



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

TIADA KEPUTUSAN KABINET BERHUBUNG PENJUALAN LAPANGAN TERBANG SUBANG

Hangat diperkatakan ketika ini kononnya wujud cadangan untuk menjual Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) Subang.

Sepertimana Siaran Media Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bertarikh 7 Mei 2021, Kerajaan terbuka dalam menerima cadangan oleh mana-mana pihak bagi tujuan mengembangkan aset baharu atau sedia ada.

Namun, ingin ditegaskan bahawa setakat ini **TIDAK ADA SEBARANG KEPUTUSAN** dibuat oleh Kabinet untuk meluluskan penjualan mana-mana bahagian LTSAAS kepada sektor swasta, seperti yang didakwa oleh pihak tertentu.

Hak pengoperasian kekal di bawah Perjanjian Pajakan yang diberikan kepada Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) untuk mengendali, mengurus dan menyelenggara termasuk menetapkan, mengguna dan mengawal LTSAAS sehingga tahun 2034 dan 2067. MAHB bertanggungjawab untuk mengembangkan LTSAAS sebagai hab aeroangkasa antarabangsa mengikut keputusan Kabinet pada 2 Mac 2005. Tidak ada keputusan lain yang dibuat untuk mengubah perkara ini.

Kerajaan memahami dan mengulangi pendirian bahawa usaha dan pertimbangan sewajarnya diperlukan sebelum membuat keputusan akhir mengenai aset-aset strategik awam yang memberi manfaat kepada rakyat Malaysia, seperti LTSAAS. Justeru itu, orang ramai diminta untuk berhenti daripada menyebarkan maklumat salah mengenai perkara ini atau tindakan akan diambil terhadap mana-mana pihak yang bertanggungjawab menyebarkannya.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
25 JUN 2021

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media Kementerian Pengangkutan Malaysia

Hotline 1- 800 - 88 - 7723
Faks +603 8892 0208
E-mel aduan@mot.gov.my

